

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED
NOH [LEDANG]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian perancangan Kerajaan bersekali dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dalam mewujudkan garis panduan menyeluruh berkenaan keperluan, langkah keselamatan dan lain-lain dalam pilihan raya sewaktu krisis wabak.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang membuat perancangan dengan teliti bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 dalam tempoh pasca COVID-19. Ini adalah penting bagi memastikan pengendalian perjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan selamat, lancar dan sempurna.

SPR dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah merangka dan menyediakan satu Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan

NO. SOALAN : 44

Raya sama ada Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Kecil (PRK). Garis panduan ini akan disesuaikan selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan semasa di bawah Akta 342 yang telah dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan seperti yang telah dilaksanakan dalam pilihan raya sebelumnya iaitu PRK DUN N.23 Chini, PRK DUN N.58 Slim dan PRU DUN Sabah Ke-16.

Antara langkah pencegahan COVID-19 yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Pembersihan dan sanitasi di semua premis yang dikenal pasti akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya di mana ia perlu dilakukan disinfeksi sebelum dan sebaik sahaja selepas selesai digunakan berdasarkan garis panduan KKM;
- ii. Kawalan kehadiran di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya adalah pada jumlah paling minima yang mana tidak menjejaskan proses pilihan raya dan mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter. Selain itu, maklumat kehadiran setiap individu seperti nama dan nombor telefon perlu direkodkan sama menggunakan *QR code* di aplikasi MySejahtera atau catatan buku secara manual;
- iii. Saringan suhu badan untuk semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya di mana individu yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas tidak dibenarkan masuk ke premis dan perlu meninggalkan premis dengan segera;
- iv. Penjarakan fizikal di premis perlu dilaksanakan di mana susun atur meja di setiap premis yang digunakan disusun dengan jarak 2 meter manakala jarak antara individu adalah 1 meter;
- v. Penggunaan *hand sanitizer* dan sabun tangan oleh setiap orang yang hadir ke premis sebelum dan selepas selesai urusan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;

NO. SOALAN : 44

- vi. Penggunaan sarung tangan getah adalah diwajibkan bagi semua petugas pilihan raya dan pegawai SPR yang bertugas bagi setiap proses pilihan raya;
- vii. Penggunaan *face mask* adalah wajib bagi semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;
- viii. Pengundi yang bergejala di mana pengundi yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas hendaklah diasingkan serta-merta daripada pengundi yang lain dan mengundi di tempat khas (khemah khas untuk memangkah);
- ix. Penganjuran sebarang bentuk ceramah, syarahan dan perhimpunan bagi tujuan kempen oleh mana-mana parti politik sepanjang tempoh berkempen adalah tidak dibenarkan. Calon atau parti digalakkan untuk menggunakan media massa, media sosial dan media cetak bagi tujuan berkempen; dan
- x. Taklimat dan latihan kepada petugas pilihan raya akan dilaksanakan secara atas talian.

Sekian, terima kasih.